

# Malaysia sedia bantu majukan Timor-Leste

W/L: 3

UM - 13/12/2022

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Malaysia akan memberi dukungan kepada Timor-Leste dalam aspek pembangunan sosial, keselamatan dan ekonomi.

Komitmen itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu menerima kunjungan hormat Presiden Timor-Leste, Dr. José Ramos-Horta serta mengadakan perbincangan dua hala di Seri Perdana, Putrajaya.

Menurut Anwar, melalui pertemuan itu, Malaysia turut mengesahkan komitmen untuk terus bekerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN mengenai pelan hala tuju keanggotaan Timor-Leste sebagai negara anggota ASEAN.

“Malaysia juga akan terus memberi dukungan kepada Timor-Leste dari aspek pembangunan sosial, keselamatan dan ekonomi. Malaysia turut mengesahkan komitmen untuk terus bekerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN mengenai pelan hala tuju keanggotaan Timor-Leste sebagai negara anggota ASEAN.

“Semoga hubungan antara kedua-dua negara akan terus diperkukuh menerusi pelbagai lapangan kerjasama,” kata beliau semalam.



**ANWAR Ibrahim menerima kunjungan Jose Ramos-Horta di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.**

Terdahulu, Ramos-Horta dan delegasi tiba di negara ini untuk lawatan khas dan antaranya bertemu Anwar bagi mengucapkan tahniah secara peribadi di atas pelantikan sebagai Perdana Menteri ke-10 dan membincangkan serta menilai kemajuan kerjasama antara kedua-dua negara selain men-

eroka ruang kerjasama baharu.

Menurut kenyataan Wisma Putra, lawatan itu juga bertujuan menilai kemajuan kerjasama antara Malaysia dan Timor-Leste serta meneroka ruang kerjasama yang baharu.

Dalam pada itu, Ramos-Horta juga dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-

Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semasa lawatan ini.

“Malaysia dan Timor-Leste mengekalkan hubungan yang erat dan mesra sejak sebelum kemerdekaan Timor-Leste pada 2002. Ini terbukti apabila Malaysia merupakan negara pertama menubuhkan Pejabat Perhubungan di Dili pada 13 April 2001 dan negara pertama dalam kalangan negara-negara ASEAN menubuhkan Kedutaan Besar di Dili pada 19 Mei 2002.

“Malaysia secara aktif sentiasa menyokong Timor-Leste dari aspek pembangunan sosial, keselamatan dan ekonomi terutamanya dalam menyediakan kursus latihan pembinaan kapasiti untuk pegawai Timor-Leste melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP),” kata kenyataan itu.

Pada 2021, Malaysia merupakan rakan dagangan ke-8 terbesar Timor-Leste, destinasi eksport ke-13 serta sumber import ke-7.

“Dari Januari hingga Oktober 2022, jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Timor-Leste telah direkodkan pada AS\$84.6 juta (RM372.24 juta) dengan nilai eksport berjumlah AS\$62.8 juta (RM276.32) dan nilai import berjumlah AS\$21.8 juta (RM95.92 juta),” jelas Wisma Putra.